

Headline	Atasi isu bahan mentah perabot		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	08 Mar 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	394 cm ²
Journalist	NORHASPIDA YATIM	AdValue	RM 2,760
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,280



Atasi isu bahan mentah perabot

FRIM, GPB
meterai MoU

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bersama Golden Pharos Berhad (GPB) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi melaksanakan kerjasama pembangunan dan penyelidikan (R&D) bagi mengatasi masalah bekalan bahan mentah perabot.

Kerjasama itu selaras dengan matlamat kerajaan dalam memacu agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelaksanaan R&D terhadap bekalan bahan mentah khususnya bagi Program

Perkhidmatan Persijilan Produk FRIM (FRIM PCIS).

Kerjasama strategik itu bagi menangani masalah kekurangan bekalan bahan mentah perabot yang sering dihadapi pengusaha perabot tempatan.

Menerusi kerjasama itu juga, ia akan dapat memastikan bekalan bahan mentah perabot mencukupi dan berterusan termasuk kayu bergaji serta mana-mana bahan mentah yang bersesuaian bagi pengusaha perabot bumiputera yang terlibat dalam Program FRIM PCS.

Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman turut hadir bagi menyaksikan MoU yang diwakili ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod bersama Ketua Pegawai Eksekutif GPB, Datuk Ahmad Nadzaruddin Abdul Razak.

Sementara itu, Abd Latif berkata, sejak 1970-an, FRIM



Ahmad Razif (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen antara Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Golden Pharos, Datuk Ahmad Nadzarudin Abdul Razak di Wisma Darul Iman, semalam.

membantu industri perhutanan dalam memantau kualiti produk-produk berasaskan kayu melalui perkhidmatan ujian.

"Sehingga kini, 14 makmal ujian di FRIM mendapat akreditasi MS ISO/IEC 17025 dari Jabatan Standard Malaysia.

"Pada 2013, FRIM PCS ditubuhkan untuk membantu industri perabot tempatan bersaing secara sihat bagi menghasilkan produk berkualiti secara konsisten serta mematuhi keperluan standard dan kehendak pelanggan.

"Keperluan ini penting

bagi memastikan pengusaha berjaya menguasai pasaran tempatan dan antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

FRIM PCS telah meneruskan perkhidmatan pensijilan produk kepada produk perabot pasang siap dan

MoU bagi
laksana
kerjasama
R&D

produk rintangan api malah tahun ini, FRIM PCS menyasarkan lebih 60 syarikat perabot memperoleh pensijilan produk FRIM.

Melalui pensijilan FRIM PCS, produk yang dihasilkan mampu melonjakkan eksport perabot negara kerana FRIM akan membantu pengusaha dalam memantau kualiti produk untuk dieksport dan menerokai pasaran antara-bangsa.

Sementara itu, Syarikat senaraian awam, GBP mempunyai dua kilang papan di Bukit Besi, di bawah anak syarikatnya, Pusaka Terengganu Berhad dan di Bandar Chukai, Kemaman di bawah anak syarikat Pesama Timber Corporation Sdn Bhd.